



## SIARAN AKHBAR

### Semua Penghantar Makanan McDonald's Malaysia Kini Dilindungi PERKESO

*Tajaan RM250,000 untuk 5,000 penghantar makanan di bawah  
Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS)*

Kuala Lumpur, 17 Oktober 2022 – McDonald's Malaysia dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memastikan semua penghantar makanan McDonald's melalui perkhidmatan McDelivery dicarum dan dilindungi dengan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO.

Langkah murni ini membolehkan penghantar makanan McDonald's yang merupakan **Orang Bekerja Sendiri (OBS)** dan tergolong dalam kalangan **20 sektor informal** di negara ini, mendapat perlindungan daripada **bencana pekerjaan sendiri** termasuk kemalangan dan penyakit pekerjaan sendiri.

Dengan termeterainya kerjasama ini juga, McDonald's bakal menjadi **syarikat makanan dan minuman (F&B) pertama** di negara ini yang menjalin kerjasama dengan PERKESO menerusi caruman SKSPS untuk melindungi para penghantar makanannya.

Kolaborasi dua hala ini juga menyaksikan penghantar makanan tersebut menerima bantuan caruman SKSPS daripada Kerajaan menerusi inisiatif **SPS Padanan Caruman** di bawah **Bajet 2022**. Bantuan ini melibatkan pembiayaan oleh Kerajaan sebanyak **RM186.20 (80%)** daripada jumlah keseluruhan **Pelan Caruman Kedua SKSPS** sebanyak **RM232.80**, manakala OBS hanya perlu membayar baki **RM46.60 (20%)** sahaja untuk tempoh perlindungan **selama setahun**.

Namun begitu, sebagai sebuah syarikat yang prihatin, McDonald's Malaysia mengambil keputusan menaja caruman tahun pertama berjumlah **RM250,000** bagi memastikan kesemua **5,000** penghantar makanannya dilindungi di bawah SKSPS.

"Dari semasa ke semasa, McDonald's sentiasa mencari jalan untuk mempertingkatkan manfaat atau pemberian insentif kepada para penghantar makanan kami. Walaupun mereka bekerja sendiri mengikut kesesuaian masa dan keperluan masing-masing, mereka adalah barisan hadapan yang memastikan keberkesanan perkhidmatan McDelivery kami, yang kini merupakan antara salah satu segmen perniagaan yang menjana jumlah jualan tertinggi untuk syarikat. Segala manfaat dan insentif termasuklah tajaan melalui SKSPS ini merupakan tanda penghargaan syarikat terhadap kerja keras mereka bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menikmati hidangan McDonald's kegemaran," kata **Dato' Azmir Jaafar, Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan, McDonald's Malaysia**.

Majlis MoU antara McDonald's Malaysia dan PERKESO yang disaksikan oleh **Dato' Sri Subahan Kamal, Pengerusi Lembaga PERKESO** ini telah ditandatangani oleh **Dato' Azmir Jaafar, Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan, McDonald's Malaysia** dan **Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO**. Ia turut disaksikan oleh **Azhar Darbi, Naib Presiden Sumber Manusia, McDonald's Malaysia** dan **John Riba Marin, Timbalan Ketua Eksekutif Operasi PERKESO**.

“PERKESO kini giat melaksanakan pelbagai pendekatan strategik bagi memastikan lebih ramai OBS di negara ini mencarum dengan SKSPS. Berdasarkan statistik, terdapat **2.7 juta** rakyat Malaysia yang bekerja sendiri, namun hanya **568,686 OBS** sahaja yang berdaftar SKSPS sehingga **30 September 2022**. Besarlah harapan saya agar majlis yang diadakan pada hari ini secara langsung dapat memberi kesedaran mengenai kepentingan perlindungan keselamatan sosial dan menarik lebih ramai individu dan pihak-pihak lain seperti Kementerian, agensi Kerajaan, syarikat perniagaan dan persatuan NGO di luar sana untuk bekerjasama dengan kami bagi melindungi golongan OBS di Malaysia,” kata **Dato' Sri Subahan Kamal, Pengerusi Lembaga PERKESO**.

SKSPS membolehkan OBS seperti penghantar makanan McDonald's menikmati sebanyak lapan **(8) faedah** PERKESO seperti Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Faedah Orang Tanggungan, Faedah Pengurusan Mayat, Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional dan Faedah Pendidikan.

Jalinan kerjasama ini juga antara lain akan memanfaatkan sepenuhnya bidang kepakaran kedua-dua belah pihak termasuk menerusi perkongsian ilmu dan penyampaian perkhidmatan masing-masing bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai perlindungan keselamatan sosial secara berterusan demi kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

---

---

### **Latar Belakang McDonald's**

McDonald's adalah rangkaian global perkhidmatan makanan melibatkan kira-kira 36,000 cawangan restoran di seluruh dunia dengan pelanggan melebihi 70 juta sehari di lebih 100 buah negara. Sepanjang 40 tahun McDonald's di Malaysia, McDonald's memberi perkhidmatan kepada lebih 13.5 juta pelanggan sebulan di lebih 300 restoran di seluruh negara. McDonald's Malaysia mempunyai lebih 15,000 kakitangan di semua rangkaian restorannya di seluruh negara dengan mewujudkan pelbagai peluang perkembangan kerjaya, latihan dan pembangunan. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.mcdonalds.com.my](http://www.mcdonalds.com.my).

### **Latar Belakang PERKESO**

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, Akta Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri 2017 (Akta 789) dan Akta Sistem Insurans Pekerja 2017 (Akta 800). Konsep Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO adalah berteraskan konsep tanggungjawab bersama menerusi sumber terkumpul, perkongsian risiko dan penggantian pendapatan. Sejak pandemik melanda negara pada tahun 2020, PERKESO telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif kerajaan di bawah beberapa Pakej Rangsangan Kerajaan seperti PRIHATIN, PENJANA, KITA PRIHATIN, BELANJAWAN 2021, PERMAI,



## SIARAN AKHBAR

PEMERKASA dan PEMERKASA+. PERKESO kini sedang melaksanakan bantuan Kerajaan yang telah ditambah baik di bawah peruntukan Bajet 2022 menerusi program seperti SIP Subsidi Upah Bersasar, SIP EMP+, SPS Padanan Caruman, SPS Khidmat, JaminKerja – Insentif Peggajian dan SIP Gig.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Afni Adnan, McDonald's Malaysia  
+603.7843 3234  
[Afni.Adnan@my.mcd.com](mailto:Afni.Adnan@my.mcd.com)

Tommy Chen, Lumos Hill+Knowlton Strategies  
+6016.359.8083  
[TommyJY.Chen@hkstrategies.com](mailto:TommyJY.Chen@hkstrategies.com)

Shafiq Adnan, PERKESO  
+6018 – 3246 720  
[shafiq.adnan@perkeso.gov.my](mailto:shafiq.adnan@perkeso.gov.my)

Hamisah Hamid, PERKESO  
+6019 – 3833 605  
[hamisah.hamid@perkeso.gov.my](mailto:hamisah.hamid@perkeso.gov.my)